

## Mesyuarat agung Persisi

- 1 APR 1977

HAJI Ya'acob Mohamed, Menteri Negara bagi Pejabat Perdana Menteri, akan berucap dan merasmikan mesyuarat agung Persisi di Rumah Perses, Jalan Eunos 10.00 pagi Ahad ini.

Selaku pengurus persatuan tersebut, Haji Ya'acob akan mempergerusikan mesyuarat agung tersebut.

## Haji Ya'acob dipilih lagi jadi presiden - 5 APR 1977

Persikat Silat

MENTERI Negara di Pejabat Perdana Menteri, Haji Ya'acob Mohamed, yang juga Presiden Jawatankuasa Sementara Persekutuan Silat Singapura (Persisi) 1975/76, telah dipilih lagi untuk terus memegang jawatan yang sama untuk 1977/78.

Haji Ya'acob telah dipilih dengan sebulat suara dalam mesyuarat agung pertama Persisi yang dilangsungkan di rumah Perses di Jalan Eunos kemarin.

Dipilih sebagai Naib Presiden ialah Encik A. Rahim Dayan, Setiausaha, Encik Johari Uriff; Penolong Setiausaha, Encik Arif Haji Zahari; Bendahari, Encik Ismaon Haji Ali dan Penolong Bendahari, Encik Jaafar Haji Yaakob.

Anggota-anggota jawatankuasa terdiri dari Encik-Encik Mohammad Kaspari, Baharudin Badaruddin, Salman Simin, Mohammad Seain Madsom, Karim Maidin, Haris Samat dan Ahmad Haji Ibrahim.

### Pesta Silat

Pemeriksa kira-kira ialah Encik Abdullah Maurof dan Encik A. Rahman Kassim.

Awal dari itu, Haji Ya'acob telah mengumumkan bahawa Persisi akan menganjurkan Pesta Silat Kebangsaan dan demonstrasi silat tiga negara — Indonesia, Malaysia dan Singapura — pada 6 dan 7 Ogos depan.

Tujuan diadakan projek-projek tersebut ialah untuk memperkenalkan dan memperkembangkan silat Melayu ke mata dunia antarabangsa di sebelah sini.

"Bagi Persisi, ini adalah satu projek yang sungguh besar ertinya," kata-nya.

Dia juga telah menghubungi pihak kedutaan Indonesia dan Malaysia di sini dan kedua-duanya telah memberikan jaminan akan menurunkan 'pendekar-pendekar' masing-masing.

Menteri Negara itu juga telah menyeri semua orang yang inginkan kemajuan supaya bersikap amanah terhadap tugas-tugas yang telah diserahkan kepada mereka dengan cara yang tulus ikhlas.

## Kunjungan muhibah <sup>pencak</sup> ahli2 silat

- 6 APR 1977

PERWANIT akan menganjurkan satu kunjungan muhibah ke Batu Pahat khusus untuk ahli-ahli silatnya selama dua hari pada 8 dan 9 April ini.

Kunjungan tersebut bertujuan untuk meningkatkan tall silatrahim ahli-ahli silat di sana dengan anggota-anggota silat Perwanit.

"Kami juga akan mengadakan demonstrasi silat di Batu Pahat di samping bertukar-tukar pendapat dengan ahli-ahli silat di sana," kata Presiden Perwanit, Encik Johari Mohd. Uriff.

Kunjungan ke sana pada keseleruahannya, kata Encik Johari, boleh dibarati sebagai "kunjungan sambil belajar".

Menurutnya, dua pasukan silatnya iaitu Seni Gayung dan Macan Pasrah akan menyertai rombongan itu.

Lawatan tersebut adalah sebahagian daripada kegiatan tahunannya tahun ini.

Persatuan itu juga akan menganjurkan beberapa kegiatan lain termasuk usaha mencari dana seperti mengadakan tawangan amal di Cathay pada 17 Julai dan Jamuan malam tahunan satu masa dalam Jun.

Di samping itu, mereka akan mengadakan kursus jangka pendek seperti kursus kepimpinan, sejarah Islam, ekonomi dan sebagainya untuk pelajar-pelajar dan juga orangramai dari Ogos hingga November.

Anugerah Pelajaran Perwanit kemudian akan disampaikan kepada anggota-anggota yang benar-benar memerlukan bantuan untuk melanjutkan pelajaran pada Disember ini.